



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**MAJLIS PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU MALAYSIA**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PEMAKLUMAN KELAYAKAN DIiktiraf oleh Majlis bagi  
Pendaftaran sebagai Pengamal Kesihatan Bersekutu**

Majlis Profesional Kesihatan Bersekutu Malaysia (MPKBM) ingin memaklumkan bahawa pendaftaran pengamal Profesional Kesihatan Bersekutu telah dilaksanakan bermula pada 1 Julai 2022.

Selaras dengan ketetapan tersebut, Majlis telah menetapkan polisi pendaftaran sebagai pengamal kesihatan bersekutu mesti mempunyai kelayakan akademik yang mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan diiktiraf MPKBM. Senarai kelayakan akademik dalam negara yang diiktiraf ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa dan boleh diakses untuk rujukan melalui laman sesawang Majlis di <https://hq.moh.gov.my/alliedhealth/Mahpc/>. Walau bagaimanapun, dalam **tempoh peralihan** yang ditetapkan bermula daripada 1 Julai 2022 sehingga 30 Jun 2025, Majlis juga akan menerima bukti amalan serta kelayakan tambahan untuk dipertimbangkan bagi kelulusan pendaftaran.

Lanjutan dengan penetapan ini, mana-mana agensi yang menawarkan sijil kelayakan untuk kursus atau program pengajian dalam

negara yang tidak mendapat pengiktirafan oleh MQA dan Majlis PKB tidak akan diterima sebagai kelayakan bagi tujuan pendaftaran. Agensi-agensi ini juga tidak dibenarkan menggunakan apa-apa gelaran termaktub di bawah Perintah Profesional Kesihatan Bersekutu (Pindaan Jadual Kedua) 2022 termasuk nama atau perihalan yang boleh ditafsirkan sebagai merujuk kepada seorang pengamal berdaftar bagi tujuan mempromosikan kursus atau program pengajian.

Adalah diharapkan dengan pemakluman ini, mana-mana individu yang berhasrat mengikuti program pengajian yang ditawarkan dalam negara bagi tujuan pendaftaran perlu merujuk kepada Majlis untuk memastikan sijil tersebut diiktiraf sebagai kelayakan pendaftaran pengamal kesihatan bersekutu. Untuk pertanyaan lanjut berkaitan senarai kelayakan akademik bagi pendaftaran pengamal, sila hubungi Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Kementerian Kesihatan Malaysia di [bskb@moh.gov.my](mailto:bskb@moh.gov.my) atau Majlis Profesional Kesihatan Bersekutu Malaysia di [mahpc@moh.gov.my](mailto:mahpc@moh.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH  
PENGERUSI  
MAJLIS PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU MALAYSIA**

**17 April 2023**